



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

Islam menentang sekeras-kerasnya segala bentuk perkauman dan ketaasuban kepada sesuatu kaum tertentu.

Perkauman ditakrifkan sebagai kepercayaan bahawa satu etnik tertentu lebih unggul daripada yang lain atau satu warna kulit lebih unggul daripada yang lain.

Itu adalah prasangka yang menghukum sewenang-wenangnya sesetengah demografi manusia berdasarkan ciri-ciri fizikal mereka.

## Kemuliaan tidak ukur warna kulit

Kepercayaan itu adalah sifat zaman jahiliah. Sebaliknya, Islam mengakui semua manusia dilahirkan sama di sisi Allah dan satu-satunya sifat yang membuat seseorang lebih unggul daripada yang lain hanya ketakwaan.

Allah menghormati anak Adam, semua manusia di dunia dengan dianugerahkan kecerdikan dan kecerdasan.

Firman Allah yang bermaksud: "Dan sesungguhnya Kami memuliakan anak-anak Adam, dan Kami beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut, dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari

benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan" (**Surah al-Isra', ayat 70**)

Allah menciptakan manusia dengan pelbagai bangsa dan kaum supaya mereka dapat mengenali dan beramah mesra serta belajar sesama mereka.

Kepelbagaian etnik itu adalah perancangan Allah untuk memperkayakan keindahan dan kecantikan ciptaan-Nya.

Allah berfirman yang bermaksud: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah

menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya

semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)." (**Surah al-Hujurat, ayat 13**)

Malah, Allah menciptakan warna kulit dan bahasa yang berbeza adalah sebagai tanda kekuasaan-Nya.

Seperti bunga yang datangnya dalam pelbagai warna dan bentuk. Semua itu adalah sebagai tanda kekuasaan Allah yang mesti difikirkan dan diterima dengan penuh keimanan.

Firman Allah yang bermaksud: "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu.

"Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan." (**Surah ar-Ruum, ayat 22**)

Kemuliaan manusia

hanya terletak pada ketakwaan bukan pada bangsa, warna kulit, keturunan atau status sosial.

Mesej jelas menentang rasisme dibentangkan Rasulullah ketika dalam khutbah terakhir iaitu: "Wahai manusia! Ingatlah bahawa Tuhan kamu adalah satu dan bapa kamu adalah satu, ingatlah tidak ada kelebihan bagi orang Arab ke atas orang Ajam (bukan Arab) dan tidak ada kelebihan orang Ajam ke atas orang Arab dan tidak ada kelebihan orang berkulit hitam ke atas orang berkulit merah kecuali orang yang bertakwa."

**Penulis Presiden  
Persatuan Cina Muslim  
Malaysia (MACMA) dan  
Profesor di Universiti  
Putra Malaysia**